

23/07/2002

KL, Teheran tingkat kerjasama pelbagai bidang

PUTRAJAYA, Isnin - Malaysia dan Iran hari ini menandatangani dua perjanjian dan empat memorandum persefahaman (MOU) sempena lawatan rasmi empat hari Presiden republik itu, Seyed Mohammad Khatami ke Malaysia.

Semua perjanjian itu ditandatangani selepas mesyuarat delegasi Malaysia-Iran yang diketuai oleh Khatami dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri di sini, petang ini.

Perjanjian pertama adalah pindaan kepada perjanjian 1992 antara kerajaan Malaysia dan Iran bagi mengelak cukai berganda manakala perjanjian kedua adalah bagi penggalakan dan perlindungan pelaburan.

Kedua-dua perjanjian itu ditandatangani oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Hal Ehwai Ekonomi dan Kewangan Iran, Tahmaseb Mazaheri.

Memorandum persefahaman yang dimeterai pula ialah persetujuan di antara kerajaan Malaysia dan Iran mengenai kerjasama pelancongan yang ditandatangani Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, dan Menteri Hal Ehwai Luar Iran, Kamal Kharrazi.

Ini diikuti persetujuan kerjasama dalam pembangunan wanita dan keluarga yang ditandatangani Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, dan Penasihat Presiden Iran, Zahra Shojaee.

Dua lagi memorandum ialah di antara Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan Pusat Promosi Eksport Iran (EPCI) serta Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan Majlis Tertinggi Teknologi Maklumat dan Komunikasi Iran (SCICT).

Pagi ini, Khatami dan isterinya, Zohreh Sadeqi, yang tiba malam tadi, diberikan sambutan rasmi negara di Medan Parlimen.

Ketibaan Khatami pada jam 10.05 pagi disambut Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Dr Mahathir sebelum memeriksa perbarisan kehormat.